

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PEMBUKAAN PAMERAN TAMADUN ISLAM

TEMPAT: MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 21 MAY 1984

MASA:

Saya amat berbangga dengan usaha dan inisiatif Muzium Negara dan Berita Harian untuk menganjurkan Pameran Tamadun Islam, dan juga terhadap sokongan yang diberi oleh berbagai pihak, individu dan golongan bagi menjayakannya.

2. Usaha ke arah membina negara Malaysia yang makmur dan berjaya, dengan masyarakat progresif yang mengamalkan nilai-nilai mulia dan tinggi, serta berkemampuan dalam semua bidang tidak boleh dilaksanakan semata-mata oleh Kerajaan. Usaha ini memerlukan sokongan dan penglibatan semua pihak. Pameran Tamadun Islam menggambarkan kemampuan berbagai pihak di negara kita untuk bekerjasama ke arah mencapai matlamat murni negara. Dengan ini maka terlaksanalah konsep 'Malaysia Incorporated'.

3. Pameran Tamadun Islam bertujuan untuk memperkenalkan kepada orang Islam dan bukan Islam di Malaysia tentang perkembangan seni dan kebudayaan, ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, dan lain-lain kemajuan yang telah dicapai oleh umat Islam semenjak Nabi Muhammad s.a.w. diutus sebagai Rasulallah untuk menyampaikan agama Islam. Tiada ada sesiapa yang melihat pameran ini yang tidak akan kagum dengan pencapaian orang Islam di zaman silam. Mungkin ramai yang tidak pun tahu bahawa adanya begitu banyak kemajuan masyarakat Islam dalam bidang-bidang yang sekarang ini dikuasai oleh orang-orang Barat. Sudah tentu sebilangan daripada orang Islam akan berasa bangga dengan sejarah tamadun Islam.

4. Walaupun demikian, pameran ini tidak boleh dianggap berjaya jika orang Islam yang menyaksikannya cuma berbangga dengan apa yang dilihat. Masyarakat yang bermegah-megah dengan kegemilangan sejarahnya adalah masyarakat yang sudah menjadi mundur dan tidak lagi dapat berbangga dengan keadaannya sekarang. Sebenarnya masyarakat Islam termasuk dalam kategori ini. Zaman keagungan Islam sudah lepas, dan sekarang ini walaupun orang Islam kaya, mereka secara langsung dan tidak langsung dijajah oleh orang lain. Dan mereka tidak berupaya untuk melepaskan diri mereka daripada penjajahan ini.

5. Pameran ini hanya boleh dianggap berjaya jika ia dapat menyedarkan orang Islam tentang warisan mereka, tentang

kelemahan mereka sekarang berbanding dengan dahulu, dan membangkitkan semangat untuk sekali lagi berusaha supaya zaman kegemilangan Islam kembali semula. Jika dahulu orang Islam dapat menegakkan tamadun yang meliputi seluruh dunia, tidak ada sebab mengapa tamadun Islam tidak boleh sekali lagi mempengaruhi dunia.

6. Islam telah berkembang secara besar-besaran di luar dari Semenanjung Arab selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. Demikianlah luasnya perkembangan ini sehingga Sepanyol dan Perancis di barat dan China serta Filipina di timur termasuk dalam wilayah Islam. Orang-orang Islam yang membawa tamadun Islam ke tempat-tempat ini bukan sahaja arif dalam bidang agama tetapi telahpun menerap dan meneroka bermacam-macam ilmu baru. Daripada orang-orang Arab Jahiliah yang cuma tahu menggunakan unta dan kuda untuk menyeberangi padang pasir, mereka sudah menjadi satu bangsa yang tahu menyeberangi laut dengan menggunakan 'celestial navigation', mencipta dan menggunakan kompas, pakar dalam bidang astronomi, 'architecture', mengubat bermacam-macam penyakit, membedah, mengguna logam, mencipta ilmu hisab baru termasuk Aljibra, mengkaji Alchemy dan bermacam-macam lagi ilmu selepas memeluk agama Islam.

7. Adalah jelas bahawa agama Islam telah membuka mata dan hati orang Arab Jahiliah yang memeluk agama Islam sehingga mereka menjadi bangsa yang berjaya. Islam tidak menutup pintu kepada ilmu, sebaliknya telah membuka peluang kepada orang Islam supaya menuntut ilmu dan menggunakannya untuk mendirikan satu tamadun yang teragung sekali. Ilmu yang sudah ada pada orang-orang Greek dan tamadun lain telah dipelajari, diselidiki dan ditokok-tambah sehingga akhirnya orang-orang Eropah terpaksa pergi ke universiti-universiti dalam empayar Islam untuk menuntut ilmu. Pameran ini dapat menunjukkan sebahagian kecil sahaja daripada hasil ilmu yang dikuasai dan dimiliki oleh orang-orang Islam yang menjadikan tamadun Islam begitu gemilang.

8. Malangnya selepas lapan ratus tahun, tamadun Islam di barat Eropah telah merosot. Di timur Eropah pula kemerosotan mula berlaku dalam abad ke-18, dan di Asia Tengah pada suku abad yang pertama abad ini. Proses kemerosotan ini masih berlaku, dengan banyak wilayah Islam yang terlepas ke tangan orang, dan orang-orang Islam tidak dapat menegak dan mempertahankan tamadun mereka. Jikalau dahulu orang Eropah terpaksa mencari ilmu dari universiti-universiti Islam, hari ini tidak kurang daripada 300,000 penuntut Islam terpaksa menuntut ilmu yang dahulu diterokai oleh orang Islam di universiti-universiti bukan Islam. Di samping itu ramai pula orang Islam yang berhijrah dan terpaksa tinggal di negara-negara bukan Islam kerana keadaan di negara mereka sendiri tidak sempurna.

9. Kemerosotan tamadun Islam berpunca daripada dua perkara. Yang pertama ialah pemimpin-pemimpin negara Islam yang memerintah mengikut sistem feodal telah khayal dengan kemewahan hidup mereka sehingga lupa kepada ajaran-ajaran

Islam. Mereka ini menyimpan beratus gundek untuk memenuhi kehendak nafsu mereka, sementara pemerintahan tidak dipedulikan.

10. Yang kedua ialah wujudnya kumpulan-kumpulan ulamak yang membawa tafsiran Islam yang sempit. Mereka ini menolak semua ilmu lain sebagai sekular melainkan yang khusus berkenaan dengan agama. Dunia ini kata mereka ialah untuk orang kafir. Dengan ini maka perkembangan ilmu pengetahuan yang telah menolong menegakkan tamadun Islam dan menyebarkan Islam ke seluruh dunia pun tersekat. Semakin lama semakin kurang bilangan orang-orang Islam yang terpelajar dalam bidang sains, teknologi, hisab dan lain-lain. Sementara itu, tafsiran agama semakin lama semakin sempit sehingga Islam terhad kepada ibadat dan soal-soal seks. Soal ilmu pengetahuan, pertahanan, kemasyarakatan, kebajikan dan lain-lain yang menjadi asas peradaban sesuatu masyarakat tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

11. Sementara kemerosotan berlaku di negara-negara Islam, orang-orang Eropah telah melalui satu proses pertukaran yang amat besar kesannya kepada tamadun Islam. Di zaman kegemilangan Islam, orang Eropah berada dalam 'Dark Ages' atau zaman kegelapan. Agama mereka melarang mereka daripada mempelajari berbagai ilmu kerana dikatakan bertentangan dengan kuasa Tuhan. Dengan itu tamadun mereka tidak bergerak dan mereka terus jahil. Jika ada sesiapa yang cuba meneroka ilmu baru, ianya mungkin dibakar hidup-hidup. Tetapi, ada di antara mereka yang membelakangkan larangan ini dan telah belajar di universiti-universiti Islam atau meneliti buku-buku ilmiah karya saintis Islam. Apabila negara-negara Islam ditewas, ilmu yang ada pada orang Islam telah dirampas oleh orang Eropah dan mereka mula mempelajari ilmu-ilmu ini dengan meluas. Inilah permulaan 'The Renaissance' atau zaman 'Kelahiran Semula' orang Eropah. Mereka telah memperluaskan bidang pelajaran dan menggunakan pengetahuan yang mereka perolehi untuk menyerang wilayah-wilayah Islam. Di penghujung abad ke-19 dan permulaan abad ke-20 telah kelihatan kehancuran tamadun Islam di tangan orang Eropah. Hampir semua negara Islam dijajah. Apa yang tinggal, ialah beberapa bangunan dan khazanah yang membuktikan tamadun Islam di zaman yang telah berakhir beratus tahun dahulu.

12. Pameran ini memberi peluang kepada semua pihak menyaksi dan memahami tamadun Islam. Orang-orang Islam boleh berbangga dengannya tetapi tidak boleh khayal. Orang Islam sepatutnya menjadikan pameran ini sebagai peringatan tentang tugas dan tanggungjawab mereka. Di zaman ini pun terdapat kedua-dua faktor yang saya sebutkan tadi. Ada kekayaan yang mengkhayalkan pemimpin-pemimpin beberapa negara Islam sehingga mereka lupa akan ajaran Al-Quran. Dan ada juga kumpulan yang cuba menghalang pelajaran ilmu pengetahuan yang tidak khusus mengenai agama. Dengan adanya kedua-dua faktor ini, tamadun Islam tidak mungkin mencapai kegemilangan yang diidamkan.

13. Jika kita tidak mahu menjadi bahan pameran kelemahan tamadun Islam abad ke-15 Hijrah oleh zuriat-zuriat kita, kita harus hapuskan kedua-dua faktor tadi, dan kita jadikan sebagai teladan orang-orang seperti Ibn Khaldun, Ibn Rusyd, Ibnu Sina, Musa Al-Khwarizmi, Ibn Batuta, Tariq ibn Ziyad dan lain-lain tokoh Islam yang telah menjadikan tamadun Islam begitu gemilang sehingga kita kagum dan boleh menumpang bangga dengannya. Jika kita dapat mencontohi mereka dan membawa balik zaman kegemilangan Islam, maka sepatutnya kita berkata bahawa pameran ini sedikit sebanyak telah berhasil.

14. Sebenarnya kebangkitan tamadun Islam yang baru dan cemerlang bukanlah satu perkara yang mustahil. Kita mempunyai cerdik-pandai yang hampir setanding dengan tokoh-tokoh yang saya sebutkan tadi. Tetapi, kita tidak memberi galakan dan peluang kepada mereka. Kerana kita tidak menghargai mereka, maka kita tidak mengadakan kemudahan untuk mereka menjalankan kaji selidik mereka dan kita tidak memberi upahan yang wajar. Demikianlah rendahnya nilai mereka dalam masyarakat Islam sehingga ramai daripada mereka terpaksa berhijrah ke Eropah dan Amerika yang sanggup membekalkan apa yang diperlukan oleh mereka. Sudah tentu hasil karya mereka diperolehi oleh negara-negara yang memberi tempat kepada mereka. Alangkah ruginya orang Islam apabila ini berlaku.

15. Sementara itu satu kempen sedang dijalankan untuk menghapuskan ilmu yang kononnya sekular, walaupun ilmu-ilmu ini telah diterokai oleh orang-orang Islam sendiri. Universiti-universiti Islam memberi tumpuan cuma kepada pelajaran agama. Ilmu-ilmu lain tidak mendapat perhatian ataupun diajar secara cetek sahaja, tanpa kajian yang mendalam seperti yang dibuat oleh pakar-pakar Islam di zaman kegemilangan Islam.

16. Jika kita benar-benar menghargai tamadun Islam, maka kita harus berusaha sekarang ini juga untuk memperbaiki kedudukan orang Islam. Pembaziran wang, peperangan sesama sendiri dan kekolotan pandangan terhadap perkembangan ilmu mestilah dihapuskan. Sebaliknya segala kekayaan orang-orang Islam hendaklah diguna untuk menegak semula pengetahuan, kecekapan dan pembangunan umat Islam. Insya-Allah, jika tidak kita sendiri, generasi akan datang mungkin akan dapat menikmati tamadun Islam yang gemilang semula. Bahawa kita tidak mungkin dapat menyaksikannya tidak mengapa. Tugas kita ialah untuk membina asas yang kukuh untuk generasi-generasi yang akan datang dan ini patut menjadi satu tanggungjawab yang mulia yang harus kita pikul dengan bangganya. Ingatlah sesuatu tamadun tidak menjelma dalam sekelip mata. Berpuluh, bahkan beratus tahun akan berlalu sebelum sesuatu tamadun mencapai puncaknya. Tetapi semua tamadun mesti ada permulaan. Apa yang kita harus buat ialah mengambil langkah-langkah permulaan ini. Jika pameran ini dapat menggerakkan kita untuk mengambil langkah ini maka berhasillah ia. Jika tidak maka sia-sia sahajalah segala usaha yang mulia ini.

17. Walaupun saya belum boleh pastikan hasil pameran ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Muzium Negara dan Berita Harian dan lain-lain badan kerana menganjurkan Pameran ini. Saya yakin sekurang-kurangnya usaha ini, sedikit sebanyak akan memberi sumbangan kepada langkah-langkah Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi kefahaman mengenai tamadun Islam di kalangan masyarakat Malaysia.

18. Akhir kata, dengan segala sukacitanya saya membuka Pameran Tamadun Islam ini dengan rasminya.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu 'alaikum
warahmatullhi wabarakatuh.